

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA PEMERINTAHAN MAHASISWA UNIVERSITAS ISLAM SUMATERA UTARA (UISU) BERTEMPAT DI RESTORAN TERAPUNG, KUALA PERLIS PADA 7 JUN 2005.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH,  
SALAM SEJAHTERA DAN HORAS.

YANG BERBAHAGIA, PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN  
REKTOR KUKUM,

YANG BERBAHAGIA, DRS. H.ABDUL HAKIM SIREGAR, TIMBALAN REKTOR  
URUSAN KEMAHASISWAAN, UNIVERSITAS ISLAM SUMATERA UTARA

YANG BERUSAHA, TUAN HAJI RUSLI ABD. HAMID, PENDAFTAR KUKUM

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA  
PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DIHORMATI,

PEMERINTAHAN MAHASISWA UNIVERSITAS ISLAM SUMATERA UTARA

DAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUKUM SESI 2005/2006 SEKALIAN.

SIRIH BERLIPAT SIRIH PINANG,  
SIRIH DARI PULAU MUTIARA,  
PEMANIS KATA SELAMAT DATANG,  
AWAL BISMILLAH PEMBUKA BICARA.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA SERTA REZEKI YANG DICURAHKAN SERTA BERKAT KASIH DAN SAYANG-NYA MENGIZINKAN KITA SEMUA UNTUK BERKUMPUL PADA MALAM PENUH KEMULIAAN INI DI DALAM MAJLIS MAKAN MALAM BERSEMPENA DENGAN LAWATAN PARA DOSEN (PENSYARAH) DAN PEMERINTAHAN MAHASISWA UNIVERSITAS ISLAM SUMATERA UTARA (UISU) KE KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA PARA DELEGASI UISU KE NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN YANG TERLETAK DI UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA INI. SESUNGGUHNYA, KAMI AMAT BERBESAR HATI DAN TERUJA MENERIMA KEDATANGAN SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN WALAUPUN TERPAKSA MENDEPANI PELBAGAI ONAK DAN RANJAU, DUGAAN SERTA CABARAN SEBELUM INI SEHINGGA TERPAKSA MEMBATALKAN LAWATAN PADA 15 APRIL LALU.

DI KESEMPATAN INI, SECARA JUJUR ATAS TALI UKHUWAH ISLAMIAH DAN RASA KEMANUSIAN YANG TINGGI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SALAM TAKZIAH KEPADA SAUDARA-SAUDARA KITA DI BUMI ACEH YANG TERKORBAN SEMASA MALAPETAKA RIBUT BESAR TSUNAMI TIDAK LAMA DAHULU. NAU'ZIBILLAH HI MINAL ZALIQ.

DI LUAR KETERBATASAN PENGETAHUAN SAYA YANG KHILAF, MUNGKIN ADA DI ANTARA WARGA UISU, BAIK DOSEN (PENSYARAH) MAHUPUN MAHASISWA DAN MAHASISWINYA TURUT KEHILANGAN ANGGOTA KELUARGA YANG TERSAYANG DI DALAM TRAGEDI YANG MERUNTUN JIWA ITU. MARILAH KITA SEMUA SAMA-SAMA MENYEDEKAHKAN AL-FATHIAH BUAT SAUDARA-SAUDARA KITA YANG TERKORBAN ITU AGAR ROH-ROH MEREKA DITEMPATKAN DI KALANGAN ORANG-ORANG YANG SOLEH DI SISI ALLAH SUBBAHANAHU WATAALA. AL-FATHIAH (BERTAFAKUR).

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SAYA INGIN MEMANJANGKAN UCAP SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUKUM SESI 2005/2006 DENGAN BANTUAN SERTA KHIDMAT NASIHAT OLEH JABATAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP) KERANA USAHA GIGIH ANDA SEMUA DALAM MENCANAI IDEA, MENYATU KERJASAMA DAN MELANGSUNG KERJA TELAH BERJAYA MENZAHIRKAN ATUCARA SERTA PROGRAM LAWATAN DELEGASI UISU KE UNIVERSITI INI DENGAN JAYANYA WALAUPUN MASIH DALAM TEMPOH BERCUTI REHAT.

ALAH BISA TEGAL BIASA, SAUDARA-SAUDARI SEMUA YANG TERLIBAT TELAH MEMBUKTIKAN TIADA YANG MUSTAHIL ANDAI SIKAP SALING BERTOLAK-ANSUR, BEKERJASAMA DALAM SATU PASUKAN, BIAR APA PUN TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN, IA DIIBARATKAN MEMBUJUR LALU, MELINTANG PATAH. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN SEKALI LAGI.

UNTUK PENGETAHUAN SEMUA SAHABAT-SAHABAT KITA DARI UISU, KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM),

SEHINGGA KINI MEMPUNYAI BILANGAN PELAJAR SERAMAI LEBIH KURANG 1300 ORANG DAN BILANGAN KAKITANGAN PULA SEHINGGA JANUARI 2005 IALAH SERAMAI 580 ORANG IAITU MERANGKUMI 188 KAKITANGAN AKADEMIK DAN 392 ORANG PULA TERDIRI DARIPADA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN SOKONGAN.

MISI KUKUM AMAT JELAS IAITU MAHU MEREALISASIKAN ASPIRASI NEGARA DAN MENYUMBANG KEPADA KETAMADUNAN DUNIA. IA DIDUKUNGI PULA OLEH VISI KAMI YANG MAHU MENJADI INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN BERTARAF DUNIA BAGI MENJANA PEMIMPIN TERBILANG NEGARA. BERSANDARKAN MOTO, 'ILMU, KEIKHLASAN DAN KECEMERLANGAN', KUKUM KINI SUDAH MENCAPAI PELBAGAI KEJAYAAN BAIK DI DALAM BIDANG AKADEMIK MAHUPUN SUKAN.

PERHUBUNGAN ANTARABANGSA KUKUM PULA TELAH MENJANGKAU KE SELURUH PELUSUK DUNIA DAN MENCAKUPI PELBAGAI HUBUNGAN KERJASAMA BAIK DI DALAM BIDANG PENDIDIKAN MAHUPUN PENYELIDIKAN. ANTARA UNIVERSITI YANG TELAH MENJALANKAN HUBUNGAN KERJASAMA TERSEBUT ANTARA LAIN IALAH UNIVERSITY COVENTRY DI ENGLAND, UNIVERSITY OITA DI JEPUN, UNIVERSITAS SUMATERA UTARA (USU) DAN INSYALLAH, BEBERAPA BUAH UNIVERSITI LUAR NEGARA LAIN AKAN MENYUSUL KEMUDIAN DALAM MASAYANG TERDEKAT INI.

DI DALAM BIDANG PENYELIDIKAN, TENAGA PENGAJAR KUKUM TELAH MENUNJUKKAN KOMITMEN DAN DAYA USAHA YANG TINGGI DALAM KERJA-KERJA PENYELIDIKAN. KUKUM TELAH MENGGONDOL KEJUARAAN DI DALAM PERTANDINGAN BIOGENESIS CHALLENGE PADA JANUARI LALU MELALUI PENGHASILAN BIO-NUTRA STRIP IAITU SEJENIS ALAT YANG

DAPAT MENGESAN KANDUNGAN SERTA KUANTITI HERBA. PADA 19 MEI 2005 LALU, SEKALI LAGI TENAGA PENYELIDIK KUKUM YANG KOMITED INI TELAH MEMENANGI SATU PINGAT EMAS, EMPAT PERAK DAN SATU GANGSA DI PAMERAN ANTARABANGSA REKA CIPTA, INOVASI, REKA BENTUK INDUSTRI DAN TEKNOLOGI 2005 (ITEX).

WALAUPUN SEBAGAI UNIVERSITI YANG PALING BONGSU DI NEGARA INI, AGAK TIDAK KETERLALUAN ANDAI DIKATAKAN MOMENTUM SERTA PERKEMBANGAN UNIVERSITI INI SUDAH BERDIRI SAMA TINGGI DAN DUDUK SAMA RENDAH DENGAN MANA-MANA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM ATAU UNIVERSITI KERAJAAN YANG LAIN. INI SEMUA ADALAH BERKAT KERJASAMA DAN KERJA KERAS SETIAP WARGA KERJA KUKUM YANG TIDAK PERNAH MENGENAL ERTI PENAT LELAH DALAM MEMARTABATKAN NAMA UNIVERSITI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

DUNIA PENDIDIKAN TINGGI TIDAK KIRA DI MANA SAHAJA DAN APA JUGA NAMANYA, SENTIASA DIASOSIASIKAN DENGAN MAHASISWA DAN MAHASISWI SERTA PERSATUAN ATAU PERGERAKAN PELAJARNYA. GOLONGAN PELAJAR SERING DIANGGAP SEBAGAI 'ROLE MODEL' SERTA ALAT PEMBANGUNAN NEGARA YANG PALING BERKESAN DAN BERPENGARUH OLEH MASYARAKAT AWAM.

JIKA DIMANIPULASI ATAU DIPENGARHUI OLEH PIHAK-PIHAK YANG TIDAK BERTANGGUNG JAWAB, PERSATUAN ATAU PIMPINAN TERTINGGI MAHASISWA-MAHASISWI INI BOLEH DI DORONG MELAKUKAN PELBAGAI PERKARA YANG NEGATIF. ADA KALANYA IA EKSTREMIS DAN LANGSUNG

MENGGANGU-GUGAT KESTABILAN, KONDISI SERTA STRUKTURLISASI POLITIK SESEBUAH NEGARA TERSEBUT KE ARAH KEHANCURAN.

SEBAGAI REKTOR DAN JUGA SEORANG PENDIDIK YANG MENCINTAI DUNIA KEILMUAN SERTA KEAMANAN SEJAGAT, SAYA MELIHAT PERGERAKAN PELAJAR HARUS DICERNAKAN KE ARAH PARADIGMA HASILAN YANG POSITIF DAN BERMANFAAT SERTA MAMPU MENYUMBANG KEPADA KETAMADUNAN DUNIA DAN MENINGKATKAN IMEJ NEGARA. BUKAN SEBAGAI LIABILITI KEPADA UNIVERSITI APATAH LAGI KEPADA NEGARA YANG TERCINTA.

SAYA INGIN BERPELANCUNG KEPADA SEMUA ANAK-ANAK MAHASISWA-MAHASISWI BAIK KUKUM MAHUPUN UISU SENDIRI, AGAR PADUKAN TEKAD, MATLAMAT SERTA PERJUANGAN DIRI UNTUK MENJADI INSAN YANG BERJAYA BAIK DI DUNIA MAHUPUN AKHIRAT. TUMPUKAN SEGALA USAHA, KUDRAT DAN AMANAH DIRI YANG DIPIKUL DI PUNDAK MASING-MASING UNTUK TERLEBIH DAHULU BERJAYA DI DALAM PELAJARAN.

INGATLAH MANUSIA YANG DIHORMATI DI DUNIA INI ADALAH MEREKA-MEREKA YANG MEMPUNYAI ILMU PENGETAHUAN. MEREKA YANG BERILMU MAMPU MENGSOLUSIKAN SEGALA PERMASALAHAN DOMESTIK BERPANDUKAN ILMU YANG DIPELAJARI BUKAN BERDASARKAN RASA ATAU NAFSU. DARI SEKECIL-KECIL HINGGA LAH KEPADA ISU YANG GLOBAL.

PUN BEGITU, DALAM MENYELUSURI RANJAU-RANJAU SERTA CABARAN-CABARAN BERGELAR MAHASISWA-MAHASISWI, TIDAK DAPAT TIDAK, ANDA SEMUA HARUS SENTIASA BERGERAK AKTIF DALAM PERSATUAN SUPAYA APABILA BERGRADUASI KELAK DAN MEMASUKI ALAM PEKERJAAN, ANDA TIDAK AKAN CANGGUNG BILA DIBERI TANGGUNG

JAWAB DALAM MENGORGANISASI DAN MENGKORDINASIKAN SESUATU TUGASAN.

SELAIN DARIPADA ITU PERSATUAN MAHASISWA DISARANKAN DAPAT MERENCANA AKTIVITI YANG DAPAT MENYUMBANG KEPADA KEBAIKAN MASYARAKAT DI SEKELILINGNYA. SEBAGAI ORANG YANG TERPELAJAR DAN BERILMU, SIA-SIA LAH JIKA ILMU YANG DITUNTUT ITU TIDAK DIMANFAATKAN DAN DIPRAKTIS DEMI KESEJAHTERAAN UMMAH.

DALAM PADA ITU, SAYA DIFAHAMKAN, LAWATAN PEMERINTAHAN MAHASISWA UISU KE KUKUM INI JUGA MEMBAWA SATU HASRAT YANG BAKAL MENCIPTA SEJARAH DUNIA PENDIDIKAN BAIK DI INDONESIA MAHUPUN MALAYSIA SENDIRI IAITU MELALUI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA KEDUA-DUA PERSATUAN PELAJAR YANG AKAN DITANDATANGANI SELEPAS INI.

ACAPKALI KITA HANYA MENDENGAR ATAU TERBACA MoU HANYA MEMBABITKAN ANTARA SEBUAH UNIVERSITI DENGAN UNIVERSITI YANG LAIN, TETAPI HARI INI KITA AKAN MELIHAT SEJARAH TERBINA APABILA DUA BUAH PERSATUAN PELAJAR MENEROKAI HUBUNGAN PENGANTARABANGSAAN MEREKA DENGAN SECARA RASMINYA.

SAYA AMAT TERUJA DAN MEMBERI SOKONGAN YANG PADU AGAR JALINAN PERSAHABATAN KEDUA-DUA PERSATUAN MAHASISWA INI AKAN MENCIPTA DAN MENYUMBANG KEBAIKAN KEPADA DUNIA PENDIDIKAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA. WALAUPUN KITA DIPISAHKAN OLEH SELAT MELAKA, IA TIDAK AKAN MENJADI MUSUH SERTA HALANGAN PENGWUJUDAN KOLERASI SERTA HUBUNGAN YANG MURNI INI.

INSYALLAH, MARI LAH KITA SAMA-SAMA BERDOA AGAR HUBUNGAN KERJASAMA ANTARA KEDUA-DUA BUAH PERSATUAN MAHASISWA INI AKAN BERPANJANGAN DAN MEMBERI KEBAIKAN BERSAMA. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN. APA YANG PASTI, ANDA SEMUA MENJADI KEBANGGAAN BUKAN SAHAJA KEPADA UNIVERSITI MALAH TELAH MENAIKKAN IMEJ NEGARA MASING-MASING DENGAN SENDIRINYA.

AKHIR KATA, SAYA MEWAKILI KUKUM SEKALI LAGI INI MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA UISU DI ATAS KESUDIAN PADA NOVEMBER LALU MENERIMA KUNJUNGAN KAMI KE UNIVERSITI ANDA. SAYA JUGA INGIN MEMOHON MAAF ANDAI TERDAPAT SEBARANG KEKURANGAN DAN KEKUSUTAN SEMASA ANDA SEMUA BERADA DI SINI.

KALAU ADA SUMUR DI LADANG,  
BOLEH SAYA MENUMPANG MANDI,  
KALAU ADA UMUR YANG PANJANG,  
BOLEH KITA BERJUMPA LAGI.

SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH  
WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.



